

Pemuda halang anggota AADK jalankan tugas didenda RM10,000

SIBU: Mahkamah Majis-tret di sini, semalam men-genakan hukuman denda berjumlah RM10,000 atau penjara 10 bulan ke atas se-orang pemuda yang meng-halang anggota Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menjalankan tu-gas serta melakukan khi-anat dengan merosakkan kenderaan AADK.

Majistret Oon Kork Chern terdahulu men-genakan hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan terhadap tertuduh, Wong Yew Chai, 27, atas pertuduhan meng-halang anggota AADK menjalankan tugas.

Tertuduh dikenakan hukuman denda RM7,000 atau penjara tujuh bulan bagi pertuduhan khi-anat dengan merosakkan kenderaan pacuan em-

pat roda AADK sehingga menyebabkan kerugian sebanyak RM3,299.

Bagi pertuduhan ini, Wong didakwa mengikut Seksyen 186 serta Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Tertuduh yang diben-arkan bebas setelah mem-bayar denda tersebut, di-dakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu pada 11 Mac 2025, jam 2.55 petang di Jalan Hii Kah Tung.

Berdasarkan fakta kes, pengadu bersama tiga anggota AADK yang lain sedang menjalankan Ops Cegah dan cuba menahan seorang lelaki iaitu tertuduh yang memandu se-buah kereta kerana disyaki terlibat dalam penyalahgu-naan dadah.

Apabila tertuduh menu-runkan cermin kereta, pengadu terlihat peralatan

yang digunakan bagi tu-juan penagihan dadah di dalam kereta dan meminta tertuduh membuka pintu kereta.

Bagaimanapun tertuduh enggan memberi kerjasama dan bertindak mengundur-kan keretanya yang kemudian merempuh kenderaan AADK serta sebuah kereta lain yang diparkirkan ber-sebelahan.

Satu laporan polis dibuat dan pada 12 Mac 2025, jam 10.50 pagi, pihak polis telah menahan tertuduh di Jalan Fong Ming untuk membantu siasatan serta merampas sebuah kereta Proton Saga serta kunci kereta.

Pendakwaan dikenda-likan oleh Pegawai Pendakwa ASP Siti Mariyah Dahari, sementara ter-tuduh tidak diwakili.